

25 Jun Sinar Harian m/s 44



Penuntut UPM yang menerima sumbangan duit raya berjumlah RM300 seorang.



Warga UPM menyambut keberangkatan tiba Sultan Sharafuddin, semalam.

Wakaf Ilmu biaya aktiviti akademik

■ NUR FARHANA ABUL MANAN

SERDANG - Wakaf Ilmu yang diwujudkan bagi membantu pembiayaan aktiviti akademik, penyelidikan dan pemajuan ilmu di Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima sumbangan hampir RM830,000, petang semalam.

Sumbangan itu diterima daripada wakil Pejabat Pendaftar UPM, Bendahari UPM, sumbangan umum (Wakaf), Pusat Islam Universiti, Bank Rakyat, Etiqa Takaful Berhad, Kuala Lumpur dan Koperasi UPM.

Ia masing-masing disampaikan kepada Sultan Selangor yang juga Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Pada majlis berbuka puasa dan solat tarawih Sultan Selangor bersama kira-kira 1,000 warga universiti di Masjid UPM, pihak UPM Holdings turut mengeluarkan zakat perniagaan berjumlah RM243,200 bagi tahun lalu.

Pada majlis sama, baginda berkenan menyampaikan sumbangan hari raya berjumlah RM300 seorang kepada 30 penuntut universiti terdiri daripada anak yatim, asnaf dan muafak serta penyerahan sumbangan sebanyak RM750 kepada 19 penerima Dermasiswa Penyelidikan serta Wakaf Ilmu UPM.

Hadir sama pada program itu, Naib Canselor UPM, Datin Paduka Dr Aini Ideris.




Pengerusi UPM Holdings, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, melaksanakan akad zakat perniagaan UPM Holdings berjumlah RM243,200.



Pengarah Pusat Islam UPM, Dr Razali Othman, menyampaikan sumbangan Wakaf Ilmu UPM sebanyak RM279,880.



Penuntut menikmati hidangan berbuka puasa yang disediakan.



Bacaan al-Quran oleh Pelajar UPM, Muhammad Ammar Azmi.



Sultan Sharafuddin berkenan menyampaikan sumbangan Dermasiswa Penyelidikan dan Wakaf Ilmu UPM kepada penerima.